

13/10/1997

Selatan harus kekal kawalan modal

Ismail Hashim

KRISIS kewangan yang melanda Asia Tenggara seharusnya mencetuskan sikap prihatin terhadap kemeruapan dan ketidakstabilan pasaran kewangan global. Negara sedang membangun harus menimbang semula komitmen terhadap liberalisasi sektor perkhidmatan kewangan yang kini didesak IMF dan Amerika Syarikat dan Kesatuan Eropah (EU) dalam rundingan pembukaan pasaran perkhidmatan di bawah seliaan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Usaha mendesak negara Asean dan Asia serta negara di rantau Amerika Latin supaya memberikan komitmen penuh kepada liberalisasi sektor kewangan melalui jangka masa lima tahun sedang berjalan lancar melalui usaha bersama Amerika dan EU.

Pada mesyuarat interim tahun ini, IMF diberi mandat mengkaji isu terbabit dan mencadangkan perubahan kepada Artikel Perjanjian IMF, terutama Art VI Sec III (yang membolehkan negara mengekal dan melakukan kawalan terhadap modal mereka), dan Sec I artikel yang sama yang menghalang ahli IMF mendapat bantuan IMF bagi membiayai dan mengekalkan pengaliran modal besar.

Negara membangun sama ada bersetuju atau tidak sedang menuju ke arah liberalisasi sektor kewangan - lebih ramai menteri kewangan mengumumkan matlamat mereka hendak mencapainya dalam jangka masa beberapa tahun - India adalah negara terkini yang menyertai pakej dirancangkan itu.

Mungkin ada hikmah di sebalik kejadian yang berlaku kepada negara anggota Asean walaupun amat pahit. Tetapi sekurang-kurangnya ia membuat kita berfikir semula mengenai rancangan liberalisasi kewangan dan kawalan terhadap pergerakan modal dan mengawasi pergerakannya.

Krisis kewangan yang berlaku dan penyusutan nilai ringgit, baht, rupiah, peso, bahkan turut menjejaskan dollar Singapura yang kukuh selama ini sekali lagi memperlihatkan betapa goyahnya kedudukan pasaran kewangan antarabangsa dan kesan yang dikemukakan kepada negara Asean serta menjejaskan segala apa yang dicapai selama ini.

Krisis dan kesannya melahirkan kritikan tajam terutama daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap spekulator mata wang dan menggesa tindakan antarabangsa supaya menjadikan pelakuan spekulasi dan 'sabotaj' sebagai kesalahan jenayah.

Walaupun tindakan yang dilakukan adalah dengan niat tertentu dan tidak diragukan kekacauan atau 'anarki' dalam pasaran mata wang Asean disebabkan pergerakan spekulatif dana, kini menjejaskan imej 'ekonomi harimau' yang selama ini dikenali dengan pengurusan makroekonomi dan dasar perdagangan dan ekonomi yang berkesan sehingga membawa kepada pertumbuhan rancak.

Selama beberapa tahun, beberapa ahli ekonomi cuba memberikan amaran mengenai kebebasan yang diberikan pasaran kewangan dunia oleh pembuat dasar sehingga kepada keadaan kini di luar kawalan bank pusat, pihak berkuasa kewangan dan bahkan kerajaan sendiri. Kejatuhan sistem kadar tukaran tetap dunia pada 1972 dan pengapungan mata wang adalah langkah pertama penjujukan ke arah kemeruapan kadar tukaran.

Kemudian dengan penggunaan teknologi komputer yang semakin meningkat yang membawa kepada kemunculan transaksi kewangan secara elektronik, ia menyemarakkan lagi kegiatan liberalisasi dan pembatalan kawal selia perkhidmatan kewangan dan pembubaran kawalan ke atas kewangan di kebanyakan negara. Rancangan ini mendapat dokongan kuat daripada IMF dan Bank Dunia, pemansuhan kawalan terhadap pengaliran masuk dan keluar wang di kebanyakan negara, yang merintis spekulasi dalam mata wang, komoditi

dan ekuiti saham.

Pada masa lalu, wang bergerak di serata dunia untuk membayar kepada import barangan dan eksport barangan dan perkhidmatan atau dengan lain perkataan untuk memberikan khidmat kepada ekonomi sebenar daripada pengeluaran dan perdagangan.

Tetapi dalam beberapa tahun kebelakangan, pintu dibuka kepada spekulator kewangan mengaut keuntungan dengan bertaruh dalam perubahan kadar mata wang, harga komoditi dan harga saham.

Akibatnya, hampir keseluruhan pengaliran kewangan bersifat spekulatif. Perkara ini didedahkan dalam sebuah artikel dalam UNCTAD Review 1996 oleh seorang profesor ekonomi, David Felix dari Universiti Washington. Pada 1977, nilai tahunan eksport dunia adalah AS\$1.3 trilion sementara transaksi tukaran asing dunia adalah pada AS\$4.6 trilion. Nilai eksport sebenar adalah 29 % daripada jumlah tukaran asing (forex).

Menjelang 1995 eksport dunia pada AS\$4.8 trilion tetapi jumlah tukaran asing meningkat kepada AS\$325 trilion. Tetapi nilai eksport sebenar daripada transaksi tukaran asing adalah kecil iaitu 1.5 peratus. Dengan lain perkataan, hanya AS\$1.50 daripada setiap AS\$100 daripada pergerakan tukaran asing digunakan untuk membiayai perdagangan kewangan dalam barangan dan perkhidmatan sebenar, sementara AS\$98.50 sen digunakan tujuan pelaburan dan spekulasi.

Satu lagi fakta penting yang perlu diperhatikan di sini ialah pada 1977, simpanan rasmi tukaran asing dunia adalah pada AS\$266 bilion sementara pusing ganti harian tukaran asing dunia pada AS\$18 bilion.

Menjelang 1995 nilai urusan harian pertukaran asing adalah AS\$1,300 bilion, melebihi simpanan rasmi tukaran asing dunia pada AS\$1,202 bilion.

Angka ini menunjukkan kini adalah lebih sukar untuk sesebuah bank pusat atau walaupun secara bersama pun untuk menentang usaha oleh spekulator yang berkuasa untuk mempengaruhi paras atau kedudukan mata wang tertentu.

Seorang penyelidik dari Amerika, David Korten dalam buku terbarunya *When Corporation Rule the World*, mengenali spekulator extractive investor, yang secara tidak adil mengekstrak atau menyari keuntungan daripada kerja produktif orang lain.

"Pelabur ekstraktif ini mengambil kesempatan daripada turun-naik harga mengekstrak sebahagian daripada nilai yang diwujudkan oleh pelabur produktif dan mereka yang melakukan dengan bersungguh-sungguh. Pengekstrakan spekulator ini merupakan sejenis cukai ke atas sistem kewangan yang tidak ada gunanya. Lebih besar kemeruapan pasaran kewangan, lebih besar peluang pelakuan bentuk pengekstrakan seperti ini."

Korten menambah bentuk ketidakstabilan pelaburan ekstraktif ini digalakkan oleh dana bersama atau dikenali sebagai dana perlindungan, yang khusus dalam spekulasi jangka pendek berisiko tinggi dan mengkehendaki jumlah minimum sebanyak AS\$1 juta.

Dana terbesar Dana Quantum (Quantum Fund) yang diketuai George Soros, yang selama beberapa tahun menguasai lebih AS\$11 bilion wang pelabur.

Menurut Korten, memandangkan dana perlindungan boleh mempengaruhi pelabur untuk meminjam sekurang-kurangnya AS\$10 untuk setiap dolar pelabur, ini memberikan Dana Quantum berpotensi mengawal sehingga AS\$110 bilion.

Pada 1993 kebanyakan dana perlindungan yang besar menghasilkan kadar pulangan melebihi 50% untuk pemegang saham. Tetapi ada juga risiko: Dana perlindungan kecil kehilangan AS\$600 juta dalam dua tempoh bulan dan terpaksa ditutup.

Namun spekulator akan meningkatkan kestabilan harga yang ditunjukkan Soros apabila dia memberikan keterangan di depan Jawatankuasa Perbankan Kongres AS beberapa tahun lalu. Dia memberitahu jawatankuasa itu apabila seseorang spekulator bertaruh harga akan meningkat dan sebaliknya jatuh,

dia terpaksa melindungi dirinya dengan menjual stoknya.
(END)